

Lembaran Pendedahan Produk

Fire Plus

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Seksyen I: Polisi ini melindungi bangunan anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran atau kilat.

Seksyen II: Polisi ini juga memberikan pampasan bagi pembayaran ansuran anda jika bangunan anda mengalami kerosakan akibat daripada Peristiwa Yang Diinsuranskan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Perlindungan/Manfaat	Jumlah Diinsuranskan (RM)
Seksyen I: Bangunan Anda	
Polisi ini melindungi: <ul style="list-style-type: none">Kerugian atau kerosakan pada bangunan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik. Anda boleh meluaskan skop perlindungan yang disebabkan oleh peril yang berikut dengan membayar premium tambahan: <ul style="list-style-type: none">Kerosakan akibat pesawat, Kerosakan akibat hentaman, Paip pecah atau limpahan paipRibut & taufan, Banjir, Letupan, Gempa bumi dan letusan gunung berapiRusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat JahatPembakaran Spontan, Kebocoran perenjisPenenggelaman dan gelinciran tanahKerosakan oleh pokok tumbang atau dahan dan objek darinya, Kebakaran lalang/semak	Mengikut Jumlah Diinsuranskan oleh anda
Seksyen II: Perlindungan Pinjaman Perniagaan	
Polisi ini akan membayar ansuran pinjaman bulanan anda sekiranya berlaku kerosakan pada bangunan anda akibat Peristiwa Yang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Seksyen I dengan syarat kerugian melebihi 15% daripada Jumlah Diinsuranskan untuk Bangunan.	10% daripada Seksyen I: Jumlah Diinsuranskan untuk Bangunan atau RM55,000 yang mana lebih rendah

Nota:

- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).**
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk manfaat dan perlindungan lengkap produk.**

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan Pilihan?

Tempoh perlindungan biasanya adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui Polisi setiap tahun.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah diinsuranskan, pekerjaan atau jenis perniagaan, konstruksi bangunan, harta diinsuranskan, pengalaman tuntutan dan keperluan pengunderitan kami.

Nota: Polisi ini tertakluk kepada premium minima sebanyak RM75.00 untuk risiko komersial dan RM60.00 untuk risiko kediaman peribadi.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dan/atau 8% daripada premium (#)

#Cukai perkhidmatan baru 8% akan dikira secara prorata berkuat kuasa mulai 01 Mac 2024 dan seterusnya.

Apa yang termasuk dalam premium	Amaun
Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)	Sehingga 15% daripada premium

Sila rujuk pengiraan komisen di bawah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Premium tahunan ialah RM300.00. Oleh itu komisen ialah 15% daripada RM300.00 iaitu RM45.00.

6. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?

- Kewajipan Pendedahan**

- Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda hendaklah mengambil penjagaan munasabah untuk menjawab semua soalan dengan lengkap, tepat, jujur berdasarkan sepanjang pengetahuan anda. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda, atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah dan relevan. Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk memaklumkan kepada kami apa-apa perubahan mengenai butiran-butiran atau maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda, atau sebelum anda memperbaharui atau mengubah apa-apa terma untuk Polisi anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan atau dianggap tidak wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau nilai tuntutan dikurangkan.

- Perubahan dalam Risiko**

Anda mestilah mendedahkan sebarang perubahan kepada fakta material yang anda tahu atau sepatutnya tahu mungkin menjelaskan profil risiko dari semasa ke semasa, sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, Polisi anda mungkin akan dibatalkan. Anda mestilah memastikan borang cadangan dilengkappkan dengan tepat kerana ia membentuk asas kontrak insurans. Anda mestilah memberitahu kami secara bertulis mengenai apa-apa perubahan penting semasa tempoh Polisi supaya pindaan yang perlu diendors pada Polisi anda.

- Lebihan**

Ini adalah amaun yang akan ditanggung oleh anda sekiranya berlaku tuntutan (jika berkenaan).

- Waranti Premium**

Premium yang genap masa mestilah dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, boleh menyebabkan Polisi dibatalkan secara automatik. Kami adalah berhak menerima premium pro-rata untuk tempoh perlindungan enam puluh (60) hari yang telah kami berikan.

- Pembayaran Premium**

Pembayaran boleh dibuat melalui Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad. Sila simpan resit untuk premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa depan.

- Pembaharuan Polisi**

Bergantung kepada keadaan kerugian atau tuntutan yang dibuat semasa tempoh Polisi, kami boleh menyemak semula terma dan syarat Polisi semasa pembaharuan atau menolak pembaharuan.

- Jumlah Diinsuranskan**

Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang sesuai dengan mengambil kira pengubahaian yang dibuat pada harta tersebut.

Anda boleh memilih untuk menginsuranskan harta anda berdasarkan Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula:

- Nilai Pasaran – kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rosak setelah ditolak amaun haus, lusuh dan susut nilai.
- Nilai Pengembalian Semula – kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak jumlah haus, lusuh atau susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.

Sekiranya amaun diinsuranskan dalam Polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya, contohnya, sekiranya berlaku kerugian/kerosakan, anda hendaklah menanggung perkadarannya setimpal bagi kerugian tersebut. Jika anda menginsuranskan harta anda dengan nilai yang lebih tinggi daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, pampasan maksimum yang anda akan terima adalah nilai sebenar iaitu amaun yang lebih rendah daripada jumlah diinsuranskan.

- Tuntutan**

Apabila berlakunya kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami secara bertulis dengan serta-merta.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak meliputi:-

- Kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran
- Pembakaran harta dengan perintah daripada mana-mana pihak berkuasa awam
- Kebakaran bawah tanah, Pencemaran atau kontaminasi
- Gempa bumi, letusan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi lain
- Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain
- Perang, Perang Saudara dan sebarang tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium minima sebanyak RM75.00 (untuk risiko komersial) atau RM60.00 (untuk risiko kediaman peribadi) atau *Kadar Jangka Pendek Lazim yang mana lebih tinggi. Baki premium akan dibayar balik kepada anda. Walau bagaimanapun, tiada bayaran balik premium sekiranya tuntutan dibayar atau dihantar kepada kami semasa tempoh Polisi.

*Jadual Kadar Jangka Pendek Lazim

Tempoh Tidak Melebihi	Kadar Peratusan yang Dicaj
15 hari	10% dari Kadar Tahunan
1 bulan	20% dari Kadar Tahunan
2 bulan	30% dari Kadar Tahunan
3 bulan	40% dari Kadar Tahunan
4 bulan	50% dari Kadar Tahunan
5 bulan	60% dari Kadar Tahunan
6 bulan	70% dari Kadar Tahunan
7 bulan	75% dari Kadar Tahunan
8 bulan	80% dari Kadar Tahunan
9 bulan	85% dari Kadar Tahunan
10 bulan	90% dari Kadar Tahunan
11 bulan	95% dari Kadar Tahunan
12 bulan	100% dari Kadar Tahunan

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan/peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan/peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan pejabat cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans ini, sila hubungi pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1-800-889-933 pada waktu beroperasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin-Jumaat).

11. Lain-lain jenis produk insurans serupa yang disediakan

- Insurans Kebakaran
- SOMPO Fire

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SILA RUJUK KALKULATOR KOS BANGUNAN PIAM (BCC) SEBAGAI PANDUAN BAGI MENENTUKAN ANGGARAN JUMLAH YANG PERLU DIINSURANSKAN UNTUK HARTANAH KEDIAMAN, RUMAH KEDAI DAN PEJABAT. ANDA BOLEH MELAYARI LAMAN WEB KAMI DI WWW.BERJAYASOMPO.COM.MY ATAU LAMAN WEB PIAM DI WWW.PIAM.ORG.MY UNTUK MENGAKSES BCC.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari 26 Februari 2024.